

1984

KUALA LUMPUR, 26 FEB. (BERNAMA)--KERAJAAN MENGGALAKKAN RAMAI PENDUDUK KAMPUNG BERTINGGAL DI BANDAR-BANDAR TETAPI MEREKA MESTI SANGGUP TINGGI DI RUMAH PANGSA ATAU RUMAH BERDERET-DERET OAN TIDAK CUMA MEMILIH UNTUK MENDUDUKI KAWASAN SETINGGAN, KATA DATUK SERI O R MAHATHIR MOHAMAD HARI X N X .

PERDANA MENTERI BERKATA PA'PENDUDUK BANDAR YANG DATANG DARE KAMPUNG TIDAK PATUT CUMA TINGGAL DI KAWASAN SETINGGAN MEMANDANGKAN KEADAAN DISITU AMATLAH TIDAK SEMPURNA MALAHAN ADALAH LEBIH BURUK DARI KEADAAN DI KAMPUNG.

+JIKA KITA INGIN TINGGAL DI BANDAR HAKIKAT INI MESTI DITERIMA. UNTUK MENURUNKAN KOS TANAH, DAN DENGAN ITU KOS PERUMAHAN, KITA MESTI SANGGUP UNTUK TINGGAL DI RUMAH BERTINGKAT-TINGKAT ATAU BERDERET-DERET.

+JANGANLAH KITA ANGGAP BAHWA KITA TIDAK SANGGUP TINGGAL DALAM FLAT, + NASIHATNYA SEMASA MERASMIKAN BANDAR BARU HAWTHORNDEN YANG DIBERI NAMA OLEHNYA BANDAR + WANGSA MAJU + SINGKATAN KEPADA BANDAR BARU TITIWANGSA MAJU.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERPENDAPAT FLAT-FLAT 01 BANDAR LEBIH SELESA DARI KEADAAN + DI RUMAH IBU-BAPA KITA + DAN SUDAH TENTU FLAT 01 BANDAR JUGA LEBIH SELESA DARI RUMAH-RUMAH SETINGGAN.

+JIKALAU KITA ANGGAP RUMAH SETINGGAN KITA LEBIH BAIK DARI FLAT INI BERMAKNA KITA MAMPU MENYEWAKAN ATAU MEMBELI RUMAH KOS RENDAH YANG DIBANGUNAKAN OLEH KERAJAAN ATAU SWASTA. + -- LAGI 1319/PA

PM-SETINGGAN-2-KUALA LUMPUR

PERDANA MENTERI BERKATA HASRAT KERAJAAN SUPAYA RAMAI DARI PENDUDUK KAMPUNG BERTINGGAL DAN TINGGAL DI BANDAR BANDAR TIDAKLAH BERMaksud SUPAYA MEREKA MENUKAR KEHIDUPAN KAMPUNG DENGAN KEHIDUPAN SETINGGAN.

MAKSUD KERAJAAN IALAH SUPAYA PENDUDUK-PENDUDUK DARI KAMPUNG MENDAPAT KESELESAAN HIDUP YANG ADA DI BANDAR-BANDAR MEMANDANGKAN KAWASAN SETINGGAN RAN KEHIDUPAN SEBAGAI SETINGGAN TIDAKLAH MENCERMINKAN KESELESAAN KEHIDUPAN DI BANDAR.

OLEH DEMIKIAN, TEGASNYA PENDUDUK BANDAR MESTI JUGA SANGGUP TINGGAL DI RUMAH SEWA, BAHKAN BERKONGSI BILIK ATAU FLAT JIKA SEWA MAHAL.

MEREKA MESTI MENERIMA HAKIKAT BAHWA MEREKA TERPAKSA DAN MESTI MENDUDUKI DI ATAS EKAR TANAH DI BANDAR BERBANDING DENGAN SATU EWAR OX LUAR BANDAR.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENJELASKAN KAWASAN-KAWASAN SETINGGAN SEKARANG BOLEH DIBANGUNAKAN DENGAN CARA YANG MEMBOLEHKAN LEBIH RAMAI PENDUDUK TINGGAL DALAM KEHIDUPAN YANG LEBIH SEMPURNA DALAM BANDAR.

KATANYA, KERAJAAN SEDIA MEMBANTU UNTUK TUJUAN INI JIKA SETINGGAN-SETINGGAN SENDIRI SANGGUP BERKONGSI NIKMAT OAN MEMBERI KERJASAMA KEPADA KERAJAAN.--LAGI 1330/PA

PM-SETINGGAN 3 KUALA LUMPUR

+JANGANLAH KITA HENDAK KAWASAN SETINGGAN KITA UNTUK KITA SAHAJA ATAU HENDAK RUMAH BANGLO MILIK SENDIRI YANG DIDAPATI PERCUMA ATAU DENGAN HARGA MURAH ATAU SEWA YANG LEBIH RENDAH DARI SEWAAN RUMAH SETINGGAN KITA.

+DAN JANGANLAH ANGGAP BAHWA KERANA KITA TAK MAMPU MEMBELI TANAH MAKA KITA BERTAKUT ATAS TANAH ORANG LAIN. SEPERTI MAKA KITA TIDAK SUKA HARTA KITA DIRAMPAS ORANG, KITA JANGANLAH ANGGAP HARGA ORANG ADALAH HAK KITA, DAN JIKA TUAN PUNYA MEMERLUKAN BALIK HARTA MEREKA MAKA MEREKA MESTI BAYAR PAMPASAN KEPADA KITA, + TAMBAHNYA.

DELIAU KESAL KERANA ADA BAKAJA ORANG YANG HENDAK JADI JAGUH KONONNYA INGIN MEMPERJUANGKAN HAK SETINGGAN.

+MEREKA SUKA SETINGGAN TINGGAL SEBAGAI SETINGGAN, KERANA JIKA TIDAK ADA SETINGGAN, MEREKA TIDAK ADA ISU UNTUK MENJADI JAGUH. +

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERPENDAPAT ORANG SEPERTI INI BUKAN MEMPERJUANGKAN KEPENTINGAN SETINGGAN TETAPX MEMPERJUANGKAN KEPENTINGAN MEREKA SENDIRI.

BELIAU PERCAYA JIKA HARTA MEREKA DIRAMPAS WALAUPUN UNTUK KEBAIKAN SETINGGAN, REAKSI MEREKA BERBEZA SEKALI. --LAGI 1346/PA

PM-SETINGGAN 4 KUALA LUMPUR

PERDANA MENTERI MENGULANGI MATLAMAT KERAJAAN ADALAH UNTUK MEMBERI PELUANG KEPADA SETIAP KELUARGA ATAU SEBERAPA RAMAI YANG MUNGKIN DI NEGARA INI UNTUK MEMILIKI SEBUAH RUMAHNYA YANG TERSENDIRI.

KERAJAAN JUGA MEMPUNYAI CARA DAN RANCANGAN UNTUK MENGATASI MASALAH PERUMAHAN TETAPI MENURUTNYA IA TIDAK MUNGKIN BERJAYA JIKALAU SETIAP ORANG DARI RAKYAT CUMA MAHU KEHENDAK DIRI SENDIRI DILAYAN SEPENUHNYA.

DATUK SER DR. MAHATHIR MENERANGKAN KERAJAAN SEDANG CUBA MENYEMAI NILAI-NILAI YANG BAIK DI NEGARA INI DAN SEMUA PENDUDUK DAN TIDAK SAHAJA MEREKA YANG BERADA HARUS MENGAMALKAN NILAI-NILAI ITU.

'' JIKA KITA TERIMA BAHAWA KEMISKINAN MEMBERI HAK KEPADA KITA UNTUK MEMBELAKANGKAN NILAI YANG BAIK, MAKA HURU-HARA AKAN MELANDA MASYARAKAT KITA. ''

MENGENAI BANDAR BARU ITU, BELIAU BERKATA KERAJAAN BERSETUJU DENGAN CORAK PEMBANGUNANNYA YANG LEBIH MENEKANKAN KE ARAH MENYEDIAKAN KEMUDAHAN-KEMUDAHAN SOSIO-EKONOMI YANG LENGKAP BAGI SESUATU BANDAR.

REKABENTUK KAWASAN KEDIAMA JUGA MEMBERI PENEKANAN KHUSUS KE ARAH MENCAPAI JALINAN HUBUNGAN INT3 RAKSI ANTARA PENDUDUK YANG LEBIH KERAP.

'' ADALAH DIHARAPKANNYA AKAN DAPAT MELAHIRKAN SATU MASYARAKAT YANG LEBIH PADU DAN BERTIMBANG RASA SERTA MEMPERTINGKATKAN LAGI PERASAAN SALING HORMAT-MENGHORMATI ANTARA SATUSAMA LAIN DI SAMPING MEMUPUK SEMANGAT BEKERJASAMA DAN BERTANGGUNGJAWAB. ''

-- LAGI 1350/LK

PM-SETINGGAN 5 KUALA LUMPUR

PERDANA MENTERI MENGINGATKAN SAMADA BANDAR KE C P L ITU MENJADI PENGINAPAN YANG SELESA DAN INDAH BERGANTUNG BUKAN KEPADA BANGUNAN DAN INFRASTRUKTUR YANG DISEDIAKAN TETAPI KEPADA PILIHAN PENGHUNINYA.

KATANYA, TIDAK ADA PENTADBIRAN YANG MENGAWAL DAN HENJAGA KESEMPURNAAN MANA-MANA BANDAR JIKA PENDUDUKNYA SENDIRI TIDAK BERSAMA-SAMA MEMELIHARA KESEMPURNAAN INI DAN MEMBERI KERJASAMA KEPADA PIHAK YANG DIPERTANGGUNGJAWABKAN SECARA RASMI.

'' JIKA KITA SEMUA PATUH KEPADA PERATURAN-PERATURAN DAN BERBANGGA DENGAN KEADAAN ALAM SEKELILING KITA, BUKAN SAHAJA KEHIDUPAN KITA AKAN MENJADI LEBIH BAHAGIA, BAHKAN PERBELANJAAN UNTUK MENJAGA KAWASAN DI SEKITAR KITA AKAN BERKURANGAN. ''

-- BERNAMA 1353/LK